

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)21**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB AZMI BIN ALANG**

21. Masalah tanah perkuburan Islam di Negeri Pulau Pinang yang semakin padat.
- (a) Apakah langkah segera yang akan diambil oleh pihak berkenaan untuk menyelesaikan perkara ini?
  - (b) Bolehkah pihak yang berkenaan menyediakan tapak baru perkuburan pada setiap daerah atau kampung bagi menyelesaikan masalah ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Pulau Pinang tidak menghadapi masalah kekurangan tanah perkuburan. Namun Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah melaksanakan konsep tanah perkuburan berpusat di Negeri Pulau Pinang bagi menambah tanah perkuburan Islam bagi persediaan masa hadapan. Sehingga kini, terdapat tiga (3) tanah perkuburan berpusat telah diwujudkan iaitu:

- (i) Lot 21238, Mukim 3, SPU (Pinang Tunggal) berkeluasan 8.47 ekar;
- (ii) Lot 10076, Mukim 6, SPT (Bandar Perda) berkeluasan 4.52 ekar;
- (iii) Lot 504 & Lot 458, Mukim 3, DBD (Sungai Rusa) berkeluasan 10.5 ekar; dan
- (iv) Lot 3044, 1785, 3042 & sebahagian Lot 2995, Mukim 10, SPU (Sungai Dua) berkeluasan 20,236.2010 meter persegi / 5.000 ekar.

Di samping itu, bagi Daerah Timur Laut, pihak MAINPP juga sedang dalam tindakan membangunkan tanah perkuburan tersusun di atas Lot 20112, Mukim 13, Daerah Timur Laut yang berkeluasan 1.28 ekar dan Lot 10083, Seksyen 4, Jelutong, Daerah Timur Laut yang berkeluasan 1.46 ekar. Konsep tanah perkuburan ini dirancang untuk digunakan secara pusingan.

- (b) Selain itu, menjawab persoalan berkenaan menyediakan tapak baru perkuburan pada setiap daerah atau kampung, pihak Jawatankuasa Kariah yang memerlukan tambahan tapak perkuburan yang sedia ada di kariah masing-masing adalah digalakkan melaksanakan program mengumpul dana bagi

mendapatkan tambahan tanah perkuburan baru dengan mendapatkan kebenaran MAINPP berkaitan program kutipan dana wakaf. Misalnya, Taman Seri Serdang di atas Lot 850, Mukim 8, Daerah Seberang Perai Utara seluas 0.85 ekar dan sebahagian tanah di atas Lot 2020 Mukim 8, Seberang Perai Utara, Pongsu Seribu seluas 1.74 ekar telah dibeli melalui kaedah kutipan dana wakaf bagi dijadikan tanah tersebut sebagai tanah perkuburan Islam kariah.